



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

STATUS TERKINI JAMBATAN SG. PULAI, PONTIAN, JOHOR

KUALA LUMPUR – Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil maklum dan memandang serius isu berkaitan keadaan Jambatan Sungai Pulai di Pontian, Johor yang telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengguna jalan raya.

2. Untuk makluman, projek pembinaan jambatan ini merupakan inisiatif pihak pemaju, Seaport World Wide Sdn. Bhd., sebagai sebahagian daripada pembangunan infrastruktur yang menghubungkan kawasan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah dan kawasan perindustrian Tanjung Bin di Tanjung Piai, Pontian. Projek ini juga merupakan kerjasama bersama Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Projek Jalan dan Jambatan Sungai Pulai telah siap sepenuhnya dan dibuka kepada pengguna pada 18 Januari 2023, manakala audit penerimaan jalan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor telah dilaksanakan pada 6 Jun 2023.

3. Hasil audit tersebut mendapati beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan termasuk penambahan papan tanda keselamatan jalan, pemasangan transverse bar di kawasan persimpangan serta aspek lain berkaitan keselamatan pengguna. Selain itu, terdapat penemuan teknikal yang tidak memenuhi spesifikasi JKR iaitu kadar mendapan jalan yang melebihi julat dibenarkan iaitu lebih 300mm. Susulan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama pihak pemaju bagi mengenal pasti kaedah pembaikan yang sesuai, termasuk cadangan penggunaan sistem Extended Polystyrene (EPS) yang telah mendapat ulasan serta kelulusan rekabentuk daripada Cawangan Kejuruteraan Geoteknik JKR Malaysia pada 2 Mei 2024.

4. Komitmen berterusan pihak JKR Johor dan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memastikan keselesaan pengguna jalan raya telah dizahirkan melalui lawatan tapak oleh YB Exco Kerja Raya Negeri Johor bersama Pengarah Kerja Raya Johor pada 3 Julai 2024. Dalam lawatan tersebut, pihak pemaju telah memberi komitmen untuk melaksanakan kerja pembaikan mendapan yang dijangka siap pada Januari 2025. Pada masa yang sama, langkah interim turut dilaksanakan termasuk kerja regulate and

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

overlay di kawasan terlibat serta pemasangan papan tanda amaran jalan tidak rata bagi menjamin keselamatan pengguna.

5. Walau bagaimanapun, berdasarkan makluman terkini hasil perbincangan pada 5 Mei 2025, pelaksanaan pembaikan kekal masih belum dapat dilaksanakan berikutan kos pembaikan yang tinggi. Sehubungan itu, pihak pemaju telah mencadangkan pendekatan baharu menggunakan sistem piling (Transition Pile RC Slab) menggantikan kaedah terdahulu. Pihak pemaju juga telah melantik perunding Dr. Gue and Partners untuk menyediakan rekabentuk baharu yang telah dimuktamadkan dan akan dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk kelulusan selanjutnya.

6. Pada 12 April 2026, Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan telah mengadakan tinjauan ke lokasi bagi meninjau sendiri keadaan semasa jambatan tersebut bersama wakil JKR Negeri Johor, JKR Daerah Pontian serta pihak pemaju. Tinjauan ini merupakan susulan kepada teguran YAB Menteri Besar Johor yang turut mengadakan tinjauan ke lokasi pada 10 April 2026.

7. Dalam tinjauan tersebut, dimaklumkan bahawa rekabentuk pembaikan telah dimuktamadkan dan pihak pemaju perlu mengemukakan Traffic Management Plan (TMP) kepada JKR Negeri Johor untuk kelulusan sebelum kerja pembaikan kekal dapat dilaksanakan. Proses pelantikan kontraktor dijangka mengambil masa sekitar tiga (3) bulan dengan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada Julai 2026. Tempoh pelaksanaan kerja pembaikan kekal dianggarkan selama satu (1) tahun sebelum diserahkan kepada JKR Daerah Pontian untuk penyelenggaraan.

8. KKR ingin menegaskan bahawa sepanjang tempoh ini, pihak pemaju masih bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyelenggaraan laluan jambatan tersebut termasuk kerja-kerja pembersihan jalan, penyelenggaraan bahu jalan, longkang, culvert, pemotongan rumput, tampalan jalan, penyelenggaraan perabot jalan serta lampu jalan sehingga ia diserahkan secara rasmi kepada JKR Daerah Pontian.

9. KKR akan terus memantau rapi perkembangan pelaksanaan pembaikan ini dan memastikan semua tindakan yang diambil adalah selaras dengan piawaian teknikal

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

serta kepentingan keselamatan awam, seiring dengan komitmen Kerajaan MADANI dalam menyediakan infrastruktur yang berkualiti, selamat dan mampan untuk rakyat.

#TAMAT#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
20 APRIL 2026**

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA